•TAHNUN 20 • BILANGAN 119 • MEI 2009 • JAMADILAWAL - JAMADILAKHIR 1430 H

BULETIN

# JAKIM

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



# TAHNIAH

## MENTERI DI JPM BARU

PERCUMA

ISSN 1823 - 3090
9 771823 309007
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

www.islam.gov.my

Dicetak daripada e-SiRAJ JAKIM
28-09-26 06:09:18

## Sidang Redaksi

**PENAUNG**
Dato' Haji Wan Mohamad
Dato' Sheikh Abdul Aziz
Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam
Malaysia

**PENASIHAT**
Mohd Noor Abd. Hamid
Timbalan Ketua Pengarah
(Pengurusan)

**KETUA PENGARANG**
Mohamad Saari
Pengarah Bahagian Penerbitan

**PENGARANG**
Mohd Yusof Sham

**PENOLONG PENGARANG**
Mohd Firdaus Mohd Suhani

**JURUFOTO**
Jamal Ibrahim

**PENGEDAR**
Unit Edaran
Bahagian Penerbitan
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Aras 1 & 4, Blok D9, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran
Kerajaan Persekutuan
62519 Putrajaya

**ATUR HURUF / REKA BENTUK**
Zamzuri Othman
ELPROS PRINT SDN. BHD.


*Meja Pengarang*

# SELAMAT DATANG, TERIMA KASIH

Warga Jakim mengucapkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan selamat datang ke Jakim kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang baru, YB Senator Mejar Jeneral (B) Dato' Jamil Khir Baharom. Pelantikan beliau sebagai pucuk pimpinan baru memberi satu pengiktirafan bagi meneruskan tanggungjawab mengepalai pentadbiran hal ehwal Islam di Malaysia. Tidak lupa juga ucapan tahniah ini ditujukan buat YB Senator Dato' Dr. Mashitah Ibrahim yang meneruskan tanggungjawab beliau sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang dilantik oleh Perdana Menteri Malaysia yang keenam, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Hj. Abdul Razak.

Biar bertukar nakhoda sekalipun, namun matlamat perjuangan tetap sama, mengangkat syiar Islam terus bersinar khususnya di Malaysia. Jatuh bangun agama Islam di Malaysia terletak di tangan kita bersama. Siapa lagi yang harus menanggung beban amanah ini, melainkan kita semua. Lebih-lebih lagi kita sebagai warga Jakim yang berperanan sebagai badan induk pentadbiran hal ehwal Islam di negara ini.

Usaha murni pimpinan terdahulu perlu diteruskan. Banyak pembaharuan dan jasa dicurahkan sepanjang beliau memegang tampuk kepimpinan menteri bagi portfolio hal ehwal Islam. Justeru, jutaan terima kasih diucapkan buat menteri terdahulu, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi. Tahniah juga buat beliau yang diberi mandat menerajui Kementerian Pertahanan yang merupakan salah satu kementerian yang penting dalam negara.

Walaupun Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid tidak lagi menjadi Menteri di JPM, namun apa yang diharapkan agenda dan semangat Islam di hati sanubarinya dapat terus terpancar dan tersemat di hati. Sesungguhnya perjuangan Islam tidak terhenti pada takuk ini. Semoga pertukaran ini memberi rahmat dan hikmat bagi memperkukuhkan serta menyebarluaskan amanah Allah ini. Kita berharap hubungan mesra yang terjalin sebelum ini tidak terputus, malahan dapat dijalin dengan lebih erat. Warga Jakim menaruh hasrat yang besar membawa obor Islam menjulang tinggi dapat dibawa bersama-sama YB Menteri yang baru.







# Kandungan


- Majlis Menghafaz al-Quran Peringkat Kebangsaan Kali Ke-30 Tahun 1430H/2009M 3
- Amanat Sulung Menteri 4
- Islam Akan Menjadi Asing Jika Kita Lalai dan Alpa - TYT Pulau Pinang 5
- Pengarah Jakim Sabah Kunjungi TYT Sabah 5
- Perkasakan KAFA Seiring Arus Perdana Pendidikan Negara - Menteri di JPM 5
- MPI Kali Kedua 6
- Majlis Pecah Tanah SMI 6
- Buktikan Keupayaan Diri - Dato' Dr. Mashitah 7
- Dialog Intelektual Fatwa Pertama 7
- 74 Terima Anugerah Cemerlang 8
- Persidangan Mufti-mufti Seluruh Malaysia Kali Ke-4 8
- KP Jakim Kunjung Media Prima 8
- PKS ke-65 9
- Ahli Puspanita Sertai Kursus Bina Insan 9
- Tahniah Adik Normadihah! 9
- Pelatih Pusat Serenti Imarahkan Masjid 10
- Nilai Tahap Kerja Agar Setimpal dengan Gaji - TKP(O) 10
- Kursus P&P Guru KAFA Perlis 10
- Bengkel Kamus Data Islam 11
- Diskusi Isu-isu Semasa Saudara Muslim 11
- Sambutan Maulidur Rasul di Canberra 11
- Teraju Baru Jakim Sabah 12
- Lawatan Kerja JAIPk ke Bahagian Penyelidikan Jakim 12
- Seminar Remaja Hadhari Ulul Albab Peringkat Kebangsaan 2009 12
- Hubungan Malaysia dan Brunei Terus Perkasa Melalui Institut Tahfiz 13
- Bengkel Pemahaman Undang-undang Kesalahan & Tatacara Jenayah Syariah 13
- Bengkel Pengesahan Tafsir Pedoman Muttaqin Juzuk 3 dan 4 13
- Kursus Asas Perkhidmatan Hal Ehwal Islam Siri 3/2009 14
- Peserta Kursus Asas Islam Antarabangsa Lawat Jakim 14
- Kakitangan KWSP Ikuti Kursus Bina Insan 14
- Senarai Penerima Anugerah Cemerlang Jakim 2008 15
- Senarai Penempatan dan Lantikan Baru 16




Dicetak daripada e-SIRAT
28-09-26 06:09:18

# MAJLIS MENGHAFAZ AL-QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN KALI KE-30 TAHUN 1430H/2009M






Majlis Menghafaz al-Quran Peringkat Kebangsaan Kali Ke-30 telah berlangsung dengan selama lima hari bermula 6 hingga 10 April 2009 bertempat di Dewan Besar, Balai Islam, Kompleks Islam Darul Naim, Lundang, Kota Bahru, Kelantan, dengan tema "Wahdah Pemangkin Khaira Ummah."

Majlis Hafazan ini adalah merupakan kali pertama diadakan di Negeri Kelantan sejak ia dianjurkan mulai tahun 1996. Majlis pembukaan telah dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Pendidikan dan Dakwah Negeri Kelantan mewakili Menteri Besar Kelantan, YAB Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat, YB Dato' Hj Mohd Amar Nik Abdullah pada 6 April 2009.

Para jemaah hakim, peserta-peserta dan urus setia negeri serta persekutuan Majlis Menghafaz al-Quran Peringkat Kebangsaan diraikan dalam satu majlis makan tengah hari serta solat zuhur berjemaah bersama YAB Dato' Haji Nik Aziz di Hotel Grand Riverview, Kota Bharu, Kelantan.

Seramai 71 orang peserta seluruh negara menyertai majlis ini dengan dibahagikan kepada tiga kategori iaitu hafazan dari Juzuk 1 hingga 5 juzuk , 1 hingga 15 juzuk, dan 1 hingga 30 juzuk.

Majlis Perasmian Penutup dan Penyampaian Hadiah telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail Petra Ibni Al-Marhum Sultan Yahya Petra Tuanku al-Sultan Kelantan Darul Naim pada 10 April di Dewan Besar, Balai Islam, Lundang, Kota Bharu, Kelantan.



Majlis Penutupan itu juga disaksikan juga oleh Raja Perempuan Kelantan dan Putera Mahkota Kelantan serta kerabat diraja yang lain. Hadir sama Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Mejar Jeneral (B) Dato' Jamil Khir Baharom dan timbalan beliau, YB Senator Dato' Dr. Mashitah Ibrahim.

Pemenang-pemenang bagi ketiga-tiga kategori hafazan adalah seperti berikut:

**1 hingga 5 Juzuk (Lelaki)**
Johan : Muhammad Fakarudin Iswandi Muhamad Nazri (Negeri Perak)
Naib Johan : Ibrahim Hamdan (Negeri Pahang)
Tempat Ketiga : Muhammad Zuhairi Abdul Ghapar (Negeri Sembilan)

**1 hingga 5 Juzuk (Perempuan)**
Johan : Nurhanani Fadzilah Abdul Khalid (Negeri Kelantan)
Naib Johan : Nurul Fakhriah Khairuddin (Negeri Pahang)
Tempat Ketiga : Farah Nabilah Amin Din (Negeri Selangor)

**1 hingga 15 Juzuk (Lelaki)**
Johan : Mohamad Hanif Azmi (Negeri Kelantan)
Naib Johan : Hamdani Zahid (Wilayah Persekutuan)
Tempat Ketiga : Mohamad Izzul Zahidi (Negeri Perlis)

**1 hingga 15 Juzuk (Perempuan)**
Johan : Zaini Hj. Bahri (Negeri Perlis)
Naib Johan : Khairunnisa Zaini (Negeri Johor)
Tempat Ketiga : Norhidayah Safei (Negeri Kelantan)

**1 hingga 30 Juzuk (Lelaki)**
Johan : Muhamad Ahmad Zahid (Wilayah Persekutuan)
Naib Johan : Rafrizal Abu Bakar (Negeri Sembilan)
Tempat Ketiga : Muhammad Za'imuddin Hasin (Negeri Kedah)

**1 hingga 30 Juzuk (Perempuan)**
Johan : Siti Nadhira Mohd Shafie (Negeri Selangor)
Naib Johan : Mazian Abu Bakar (Wilayah Persekutuan)
Tempat Ketiga : Juezìatul Husna Ariffin (Negeri Terengganu)

# AMANAT SULUNG MENTERI





Majlis Amanat dan Wawasan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Mejar Jeneral (B) Dato' Jamil Khir Baharom telah diadakan pada 17 April 2009 di Auditorium Aras 5, Blok D8, Putrajaya.

Dato' Jamil dalam ucapannya merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pucuk pimpinan negara terutamanya buat Perdana Menteri kerana penghormatan dan kepercayaan yang diberikan kepadanya. Beliau juga berjanji dan berazam atas dokongan bersama meneruskan kesinambungan inisiatif menteri terdahulu.

Dato' Jamil dalam amanat sulungnya juga menekankan prinsip 6M yang perlu diberi tumpuan oleh semua agensi agama iaitu *musyaratah* (menepati syarat kejayaan), *mua'tabah* (menghakis sifat-sifat buruk), *mu'aqabah* (mengekalkan tindakan yang benar secara berterusan), *muraqobah* (mengawal diri secara berterusan), *muhasabah* (menilai diri) dan *mujahadah* (berusaha bersungguh-sungguh).

Terdahulu, Dato' Haji Wan Mohamad dalam ucapan alu-aluannya, mewakili warga Jakim mengucapkan setinggi-tinggi ucapan tahniah atas pelantikan Dato' Jamil sebagai menteri. Ia merupakan satu penghormatan dan pengiktirafan kepada Dato' Jamil dan timbalannya kerana agensi agama di bawah beliau memerlukan pemimpin berfikiran jauh ke hadapan.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Fatmawati Saidin, isteri Dato' Jamil, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Dr. Mashitah Ibrahim dan suami, Ketua Pengarah Jakim, Dato' Haji Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz dan ketua-ketua agensi di bawah portfolio Menteri di Jabatan Perdana Menteri.







Dicetak daripada e-Sirkulasi
28-09-26 06:02:18

# ISLAM AKAN MENJADI ASING JIKA KITA LALAI DAN ALPA - TYT PULAU PINANG




"Islam mulai dalam keadaan asing dan akan kembali sebagaimana ia mulai iaitu menjadi asing. Kerana itu berbahagialah orang-orang asing."

"Sekiranya kita semua lalai dan alpa sehingga Islam terus dicabar dan tidak dipedulikan keagungannya, maka hadis Rasulullah SAW tersebut akan menjadi kenyataan."

Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Haji Abbas berkata demikian dalam majlis Persidangan Ketua-ketua Jabatan/Majlis Agama Islam Negeri Seluruh Malaysia Kali ke-79 yang telah diadakan pada 29 hingga 31 Mac 2009 bertempat di Hotel Bayview Georgetown, Pulau Pinang.

Beliau berharap agar persidangan ini menjadi platform terbaik untuk mencapai kesepakatan dalam merancang aktiviti atau menangani isu-isu berkaitan pengurusan hal ehwal Islam. Turut hadir ialah Exco Agama Pulau Pinang YB Tuan Haji Malik Kassim dan Ketua Pengarah Jakim, Dato' Haji Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz.

Dato' Haji Wan Mohamad dalam ucapannya menyatakan majlis ini merupakan kali pertama TYT berkenan merasmikan persidangan seperti ini. Menurutnya, bagi memastikan setiap keputusan yang diputuskan terlaksana, Jakim menjadi urus setia kepada beberapa mesyuarat dasar seperti Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI), dan Persidangan Pengerusi-pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Islam Seluruh Malaysia (Exco Agama). Persidangan ini membincangkan 12 kertas cadangan, empat kertas makluman, satu kertas laporan dan dua taklimat khas.

# PENGARAH JAKIM SABAH KUNJUNGI TYT SABAH



Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Panglima Haji Ahmadshah bin Abdullah dan isteri, Yang Berbahagia Toh Puan Datin Sri Panglima Hajah Dayang Masuyah Awang Japar menerima kunjungan hormat Pengarah Jakim Cawangan Sabah yang baru, Ustaz Aziz Haji Mohamad dan isteri, Puan Hanifah Mahmood di Istana Negeri pada 24 Mac 2009. Ustaz Aziz telah dilantik menjadi Pengarah Jakim Cawangan Sabah berkuat kuasa 2 Mac 2009.

Bersempena pelantikannya juga, beliau turut mengadakan kunjungan hormat kepada Mufti Negeri Sabah, SS Datuk Haji Ahmad Alawi Adnan pada 6 Mac 2009, Yang di-Pertua USIA, Tun Haji Sakaran bin Dandai, Menteri di Jabatan Ketua Menteri Sabah, YB Datuk Haji Nasir Tun Sakaran dan Setiausaha Persekutuan Sabah, Datuk Ismail Haji Wadin pada 5 Mac 2009.

# PERKASAKAN KAFA SEIRING ARUS PERDANA PENDIDIKAN NEGARA - MENTERI DI JPM



Jakim telah menganjurkan program Multaqa Penyelia dan Guru Guru KAFA, peringkat negeri Kelantan di Dewan Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Kelantan pada 11 April 2009. Multaqa tersebut bertujuan memberi peluang secara langsung antara Jakim/JAIN dengan guru dan penyelia KAFA di peringkat akar umbi berbincang dan mencari idea untuk meningkatkan lagi mutu pengajaran dan pembelajaran yang telah dilaksanakan selama ini di negeri Kelantan.

Dalam ucapan perasmian majlis tersebut, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Mejar Jeneral (B) Dato' Jamil Khir Baharom menyatakan pihak Kerajaan sentiasa memberi perhatian serius terhadap pelaksanaan sistem pendidikan Islam di negara ini khususnya pendidikan peringkat rendah. Melalui pendidikan KAFA, pembelajaran al-Quran dan fardhu ain dapat dilaksanakan secara bersistematik untuk melahirkan modal insan yang cemerlang dan terbilang.

Menurut beliau lagi, Negeri Kelantan merupakan negeri yang mendapat peruntukan tertinggi setiap tahun. Pada tahun 2008, negeri Kelantan telah diperuntukkan sebanyak RM32 juta. Guru seramai 6,194 orang, penyelia 15 orang, murid 144,439 orang manakala peruntukan untuk tahun ini (2009) adalah sebanyak RM37,298,664.00 (kenaikan sebanyak 14.2%).

Terdahulu, Ketua Pengarah Jakim, Dato' Haji Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz turut melahirkan harapan agar program KAFA dapat mendominasi pelaksanaan pendidikan Islam kepada kanak-kanak di negara ini. Menurut beliau, perkara ini perlu diteruskan kerana kanak-kanak yang mendapat didikan KAFA mempunyai risiko yang rendah daripada dipengaruhi gejala yang tidak sihat.

Dicetak daripada e-SIRAJ JAKIM
28-09-26 06:09:18

# MPI KALI KEDUA 2009



Pada 13 April 2009 bertempat di Dewan Persidangan, Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri, telah diadakan Mesyuarat Majlis Perundingan Islam (MPI) Kali Kedua yang dipengerusikan buat julung kalinya oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang baru, YB Senator Mejar Jeneral (B) Dato' Jamil Khir Baharom.

Mesyuarat ini telah dihadiri oleh ahli-ahli majlis yang telah dilantik, dan turut hadir oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Dr. Mashitah Ibrahim.

Dalam ucapan aluan-aluan, Dato' Jamil selaku Pengerusi amat terharu dan mengucapkan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri atas kepercayaan yang diberikan bagi memegang tanggungjawab sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan amanah ini akan dilaksanakan sebaik-baiknya. Di samping itu, beliau juga berharap sokongan padu daripada semua ahli mesyuarat bagi memberikan pandangan dan pendapat ke arah pembangunan Syariat Islam di Malaysia.

Mesyuarat ini telah membincangkan kertas laporan daripada panel-panel iaitu;

(i) Kertas Laporan Panel Ekonomi yang telah dibentangkan oleh YBhg Tan Sri Muhammad Ali Hashim, Ketua Eksekutif Kumpulan Johor Corporation selaku Pengerusi Panel Ekonomi, Majlis Perundingan Islam.

(ii) Kertas Laporan Panel Undang-undang yang telah dibentangkan oleh YBhg Tan Sri Sheikh Ghazali Abdul Rahman, Penasihat Syariah, Jabatan Peguam Negara selaku Pengerusi Panel Undang-undang, Majlis Perundingan Islam.

(iii) Kertas Laporan Panel Pendidikan yang telah dibentangkan oleh YBhg Prof. Emeritus Dato' Osman Bakar, Timbalan Ketua Eksekutif, International Institute Of Advance Islamic Studies (IAIS) selaku Pengerusi Panel Pendidikan, Majlis Perundingan Islam.

(iv) Kertas Laporan Panel Dakwah yang telah dibentangkan oleh YBhg Prof. Dato' Dr. Mohd. Yusof Hj. Othman, Pengarah Institut Islam Hadhari, UKM selaku Setiausaha Panel Dakwah, Majlis Perundingan Islam.

(v) Kertas Laporan Panel Sosial yang telah dibentangkan oleh YBhg Prof. Dr. Ahmad Hidayat Buang, Pengarah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya selaku Pengerusi Panel Sosial, Majlis Perundingan Islam.

Mesyuarat ditangguhkan pada 1.30 tengah hari dengan pesanan Pengerusi agar perkara-perkara yang dibincangkan akan diperhalusi dan dibuat susulan supaya dapat diperincikan dan diteliti dengan lebih lanjut oleh jabatan-jabatan yang berkaitan.

# MAJLIS PECAH TANAH SMI



MAIWP melakar satu lagi sejarah apabila Sekolah Menengah Imtiaz (SMI) bakal dibina di Wilayah Persekutuan. SMI ini merupakan sebuah sekolah Agama Bestari yang melaksanakan sistem pembelajaran memfokuskan al-Quran, pembangunan sahsiah dan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM). Pelajar-pelajar di sekolah tersebut diwajibkan menghafal al-Quran selain mengikuti pembelajaran seperti sekolah-sekolah lain.

Majlis pecah tanah SMI telah disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi merangkap Pengerusi MAIWP pada 22 Mac 2009 bertempat di Lot 3539, Mukim AU3, Setiawangsa, Kuala Lumpur. Tanah seluas 8.9 hektar tersebut akan dibina dengan blok pembelajaran, blok pentadbiran, asrama, kolam renang, rumah kakitangan dan infrastruktur-infrastruktur lain.

Dalam ucapannya, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid menyatakan SMI akan dapat membantu melahirkan lebih ramai golongan profesional daripada kalangan huffaz al-Quran. SMI juga akan dapat melahirkan muslim yang cemerlang dalam semua bidang dan mempunyai peribadi muslim yang unggul berdasarkan kaedah pembelajaran *'super learning'* yang dijalankan di mana akan melahirkan pelajar-pelajar soleh pintar. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid turut merakamkan ucapan terima kasih kepada Menteri Wilayah Persekutuan YB Dato' Sri Zulhasnan Rafique, atas sokongan dan komitmen yang padu diberikan oleh beliau dan agensi-agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan dalam membantu merealisasikan penubuhan SMI.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Kewangan 1, YB Dato' Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah dan Dato' Seri Idris Jusoh.






Dicetak daripada e-SIRAJ JAKIM
28-09-26 06:09:18

# BUKTIKAN KEUPAYAAN DIRI - DATO' DR. MASHITAH



Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Dr. Mashitah Ibrahim menggesa pegawai dan kakitangan perkhidmatan hal ehwal Islam seluruh Malaysia menunjukkan keupayaan dalam mengurus dan bukan hanya pandai berceramah semata-mata. Keupayaan ini boleh dijana dan mampu dicapai melalui komitmen dan usaha yang bersungguh-sungguh.

Beliau juga berharap agar 'orang agama' menjadi orang yang serba boleh serta celik dalam semua ilmu termasuk ilmu pengurusan, teknologi di samping ilmu agama yang mantap. Beliau menyatakan demikian ketika merasmikan Konvensyen Perkhidmatan Hal Ehwal Islam Peringkat Kebangsaan bertempat di ILIM, Bangi.

"Saya akan membawa hasrat dan impian perkhidmatan hal ehwal Islam ke pihak atasan." Begitulah komen beliau ketika mengulas ucapan Ketua Pengarah Jakim yang meminta agar pihak kerajaan memberi perhatian serta mengambil berat kebajikan perkhidmatan hal ehwal Islam.

Konvensyen yang berlangsung dari 20 dan 21 Mac 2009 dianjurkan oleh Jakim dan Persatuan Kakitangan Perkhidmatan Ugama (PKPU) dan dihadiri 200 orang peserta perkhidmatan hal ehwal Islam seluruh Malaysia.

Antara pengisian konvensyen ini ialah pembentangan tiga kertas kerja iaitu "Ekspektasi Masyarakat Terhadap Agensi Agama" oleh Dato' Sulaiman Md. Yassin (Naib Cancelor Universiti Malaysia Terengganu), kertas kedua bertajuk "Pegawai Agama Peneraju Pembangunan Ummah" oleh Tuan Haji Kamin Samadi (Pengarah Bahagian Tranformasi Sektor Awam, MAMPU) dan kertas kerja ketiga "Memprofesionalkan Ulamak" oleh Dr. Prof. Sidek Baba (UIAM). Pada malam tersebut pula diadakan bengkel membincangkan pelbagai isu yang berkaitan perkhidmatan hal ehwal Islam.

Pada hari terakhir konvensyen, Mesyuarat Penubuhan Kesatuan Perkhidmatan Hal Ehwal Islam Kebangsaan telah diadakan. Konvensyen selama dua hari ini diakhiri dengan pembentangan resolusi hasil perbincangan bengkel yang dibentangkan oleh Pengarah ILIM, Tuan Haji Paimuzi Yahya. Majlis penutupan telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jakim, Tuan Haji Othman Mustapha.

# DIALOG INTELEKTUAL FATWA PERTAMA



Bertempat di Hotel Grand BlueWave, Shah Alam Selangor baru-baru ini telah berlangsung program Dialog Intelektual Fatwa yang merupakan kali pertama diadakan pada 20 hingga 22 Mac 2009. Majlis Dialog yang bertemakan "Ke Arah Memperkasakan Institusi Fatwa" ini telah disertai oleh seramai 60 orang ahli yang terdiri daripada ahli-ahli Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, ahli-ahli Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti, ahli-ahli Panel Kajian Syariah dan Akidah Jakim, wakil institusi pengajian tinggi awam dan pegawai-pegawai kanan Jakim.

Tiga kertas kerja telah dibentangkan, iaitu "Ke Arah Menjadikan Malaysia Sebagai Pusat Fatwa Sedunia," oleh Prof. Dr. Abd. Samat Musa, "Ijtihad Sebagai Manhaj Istinbat Hukum dalam Pengeluaran Fatwa," oleh Prof. Madya Datin Dr. Paizah Ismail dan "Penyelarasan Fatwa di Malaysia: Kekangan dari Aspek Perundangan," oleh Peguam Kanan Persekutuan Jabatan Peguam Negara, Encik Arik Sanusi Yeop Johari. Di samping itu, dua sesi taklimat telah diadakan, iaitu "*Takhrijul Hadith* Melalui Web," oleh Dr. Abdul Hayei Abd. Sukor dan "Mengenali Laman Web Fatwa Antarabangsa," oleh Dato' Haji Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Husin. Bersempena dengan majlis dialog ini juga, sesi *Dinner Talk* telah disampaikan oleh Penasihat Perundangan Syariah Jabatan Peguam Negara, Tan Sri Sheikh Ghazali Abdul Rahman. Dalam ucapan perasmiannya, Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor memberi keyakinan bahawa Malaysia mampu menerajui hal-hal kefatwaan di peringkat antarabangsa sekiranya usaha bersungguh-sungguh dilakukan dalam melaksana serta memperkemaskan dan memperkasakan aspek-aspek penyelidikan dan pengurusan institusi fatwa di negara ini.

Sebanyak 12 resolusi telah dicapai hasil daripada dialog ini, antara lain menekankan supaya diwujudkan sebuah institusi penyelidikan dan pengurusan fatwa bersifat antarabangsa, memperkemaskan dan menyeragamkan pengurusan kefatwaan serta meningkatkan usaha menyebarluaskan fatwa-fatwa yang dikeluarkan melalui kaedah pendidikan fatwa dan kemudahan web.

Dicetak daripada MyLOWAT JAKIM

# 74 TERIMA ANUGERAH CEMERLANG



Majlis Perhimpunan Bulanan dan Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Jakim telah berlangsung di Auditorium Aras 5, Blok D8, Putrajaya pada 2 April 2009. Majlis telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah Jakim, Dato' Haji Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz.

Dato' Wan Mohamad dalam ucapannya, mengucapkan tahniah kepada penerima anugerah serta mengucapkan selamat datang kepada warga baru Jakim. Beliau berkata, usaha memperkasakan Jakim bukanlah untuk organisasi semata-mata malahan ia turut memberi impak kepada umat Islam di Malaysia amnya. Beliau turut berharap Jakim dapat menjadi *organization of the future* dan menyeru kepada kakitangan Jakim supaya dapat melihat dan berfikir menjangkau masa depan. Pada akhir ucapannya, Dato' Wan Mohamad turut memberi 'wasiat' supaya sentiasa mengamalkan budaya ikram, iaitu saling hormat-menghormati antara satu sama lain tanpa mengira warna kulit, pangkat dan umur.

Dalam majlis yang sama, seramai 74 orang telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Peringkat Jakim. Mereka akan dicalonkan sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Peringkat Jabatan Perdana Menteri yang dijangka diadakan pada bulan Mei nanti.

# PERSIDANGAN MUFTI - MUFTI SELURUH MALAYSIA KALI KE-4

Bertempat di Hotel Renaissance, Kota Bharu, Kelantan pada 5 hingga 7 April 2009, Jakim telah mengadakan Persidangan Mufti-mufti Seluruh Malaysia bagi membincang dan menyelaras isu-isu pengurusan dan pembangunan institusi fatwa supaya ia sentiasa dikemas kini dan diperkukuhkan. Persidangan ini juga diadakan bersempena dengan Majlis Menghafaz al-Quran Peringkat Kebangsaan Kali ke-30 yang diadakan di Negeri Kelantan Darul Naim bermula dari 6 hingga 10 April 2009.

Sebanyak empat kertas kerja telah dibentangkan pada persidangan kali ke-4 ini, antara lain berkaitan dengan mekanisme penyelarasan fatwa di Malaysia, program pendidikan fatwa dan pembangunan sistem e-fatwa. Persidangan ini telah dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jakim, Dato' Haji Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz dan dihadiri oleh SS Mufti-mufti dan Sahibul Fadhilah Timbalan Mufti Negeri dan pegawai-pegawai Jakim.

Persidangan turut merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Hj. Abdul Razak atas pelantikan sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-6 dan mudah-mudahan dengan pelantikan beliau, syiar Islam akan terus berkembang kukuh di negara ini.



# KP JAKIM KUNJUNG MEDIA PRIMA



Pada 25 Mac 2009, bertempat di Sri Pentas, Bandar Utama, Jakim telah mengadakan kunjung hormat kepada Pengerusi Media Prima Berhad, Dato' Abdul Mutalib Datuk Seri Mohamed Razak.

Rombongan Jakim diketuai oleh Ketua Pengarah Jakim, Dato' Haji Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz dan turut disertai oleh Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jakim, Tuan Haji Othman Mustapha, Pengarah MEP Jakim, Tuan Haji Wan Bukhari Wan Daud, dan PRO Jakim, Pn. Najibah Abdul Mutalib. Rombongan disambut Dato' Abdul Mutalib dan pengurus-pengurus Media Prima.

Dalam kunjungan yang julung kali diadakan ini, pihak Media Prima juga telah berkongsi pelbagai maklumat dan pengalaman sebagai sebuah rangkaian televisyen yang berpengaruh di Malaysia. Perkongsian maklumat ini amat berguna kepada Jakim terutama dalam usaha Jakim untuk merealisasikan penubuhan TV Jakim yang dijangka akan memulakan operasinya pada bulan Julai 2009.

Pihak Media Prima juga secara positif sedia memberi sokongan padu, terutama dari segi publisiti terhadap program-program besar negara anjuran Jakim pada masa akan datang.



Dicetak daripada e-SIRAT JAKIM
28-09-26 06:09:18

# PKS KE-65




Mesyuarat Panel Kajian Syariah (PKS) kali ke-65 telah diadakan pada 15 hingga 17 Mac 2009 bertempat di Hotel Grand Riverview Kota Bharu, Kelantan. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Mufti Negeri Pulau Pinang, SS Dato' Haji Hassan Haji Ahmad.

Mesyuarat ini dihadiri oleh mufti-mufti negeri antaranya ialah Mufti Negeri Selangor, Mufti Negeri Kelantan, Mufti Negeri Kedah dan juga Penasihat Majlis Agama Islam Negeri Johor. Mesyuarat ini turut disertai oleh pakar akademik IPTA tempatan, Pengarah dan pegawai Bahagian Penyelidikan Jakim.

Sebanyak lapan kertas kerja telah dibentangkan dalam mesyuarat kali ini, meliputi isu-isu syariah kontemporari yang menimbulkan persoalan hukum di kalangan masyarakat Islam.

# AHLI PUSPANITA SERTAI KURSUS BINA INSAN



Jakim dengan kerjasama Biro Kebajikan dan Agama Puspanita Kebangsaan telah mengadakan Kursus Bina Insan untuk ahli Puspanita dari pelbagai agensi jabatan dan kementerian. Kursus yang disertai oleh 47 orang peserta ini diadakan di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi, pada 17 hingga 19 Mac 2009. Majlis penangguhan kursus telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jakim, Tuan Haji Othman Mustapha dan turut dihadiri oleh Yang Dipertua Puspanita Kebangsaan, Puan Sri Wan Noorlina Wan Hussin.



# TAHNIAH ADIK NORMADIHAH!



Jakim turut melahirkan rasa bangga atas kecemerlangan pelajar cemerlang SPM 2008, adik Nik Normadihah Mohamad Kamal. Pencapaian beliau membuktikan keperitan hidup bukan menjadi halangan untuk mencapai kejayaan, malah ia dijadikan pembakar semangat untuk terus berjuang.

Pada 17 Mac 2009, Jakim berkesempatan mengadakan ziarah ukhuwah ke kediaman adik Nik Normadihah yang diketuai oleh Pengarah Bahagian Latihan Jakim, Puan Hajah Pauzaiyah Haron. Turut serta ialah para peserta Bengkel Penyediaan Manual Program Pusat Penilaian Jakim (PPJ) yang berlangsung dari 16 hingga 18 Mac 2009 bertempat di Hotel Grand Riverview, Kota Baharu, Kelantan. Pada kesempatan itu, Puan Hajah Pauzaiyah menyampaikan hasil kutipan sumbangan ikhlas daripada peserta bengkel kepada adik Nik Normadihah.



Dicetak daripada e-SiRAJ JAKIM
28-09-26 06:09:18

# PELATIH PUSAT SERENTI IMARAHKAN MASJID



Jakim dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah mengadakan Program Menjadikan Masjid Sebagai Tempat Persinggahan Bekas Penagih Dadah pada 17 hingga 26 Mac 2009 di Masjid ar-Ridhuan, Hulu Kelang, Selangor.

Program ini turut mendapat kerjasama daripada Pejabat Agama Islam Daerah Gombak (Keramat), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Pusat Serenti Dengkil, Pusat Serenti Sungai Besi, dan Jawatankuasa Masjid ar-Ridhuan. Antara objektif program "Rakan Setia Masjid" ini ialah, bagi mendekatkan peserta ke arah mengimarahkan masjid serta memberikan keyakinan kepada bekas penagih dalam usaha mengembalikan mereka ke pangkuan masyarakat.

Peserta program terdiri daripada 30 orang pelatih prabebas dari Pusat Serenti Dengkil dan Pusat Serenti Sungai Besi. Sepanjang program berlangsung, para pelatih telah mengikuti sesi ceramah, aktiviti pembelajaran agama, gotong royong membersihkan persekitaran masjid dan tanah perkuburan, senamrobik bersama-sama penduduk setempat, dan aktiviti penyembelihan seekor lembu dan tiga ekor kambing bagi program Maulidur Rasul. Perasmian penutup dan penyampaian sijil disempurnakan oleh Pengarah Bahagian Kesuma Jakim, Tuan Haji Ghafani Awang Teh pada 26 Mac 2009.

# NILAI TAHAP KERJA AGAR SETIMPAL DENGAN GAJI - TKP(O)



Bahagian Latihan Jakim telah mengadakan Kursus Asas Perkhidmatan Hal Ehwal Islam (PHEI) kepada kakitangan Kumpulan Sokongan 1 (Gred 17) pada 12 hingga 20 Mac 2009 bertempat di Pusat Pemantapan Akidah, Jelebu dan Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi. Kursus yang diadakan selama sembilan hari itu dihadiri oleh 112 orang peserta (107 orang lelaki dan 5 orang perempuan) lantikan 25 Ogos 2008 dan 15 Disember 2008.

Majlis penutup kursus telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jakim, Tuan Haji Othman Mustapha pada 19 Mac 2009 di ILIM. Dalam ucapannya, Tuan Haji Othman berpesan agar para peserta melaksanakan tugas bukan kerana gaji atau pangkat, namun lebih kepada tanggungjawab yang diamanahkan. Tambah beliau, "Sekiranya tiada kerja yang diarahkan, kita perlu cari kerja, sentiasa menilai tahap kerja yang kita buat dengan gaji yang diterima."

# KURSUS P&P GURU KAFA PERLIS



Jakim dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Perlis telah mengadakan Kursus Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) Guru KAFA Perlis 2009 pada 17 hingga 20 Mac 2009 bertempat di Hotel Brasmana Putra, Kuala Perlis. Seramai tiga orang penyelia dan 53 orang guru-guru KAFA telah menyertai kursus tersebut. Majlis perasmian kursus tersebut disempurnakan oleh Pengarah Jabatan Agama Islam Perlis, Tuan Haji Abdul Malik Hussin.

Antara objektif kursus tersebut ialah untuk meningkatkan integriti guru KAFA berkaitan isu-isu semasa dan mendedahkan teknik P&P terkini kepada guru-guru KAFA dalam bidang pendidikan di samping menjadikan para pendidik sebagai agen modal insan yang berkualiti. Antara slot yang dimuatkan dalam kursus P&P kali ini ialah Penulisan Rancangan Mengajar Harian (RPH), Pengajaran Makro-Mikro dan Kaedah Ejaan Jawi.



Dicetak daripada e-S
28-09-26 06:09:18

# BENGKEL KAMUS DATA ISLAM

Selaras dengan usaha kerajaan untuk mewujudkan satu kamus data Islam sebagai rujukan bagi pembangun-pembangun sistem, Bengkel Kamus Data Islam Bil.1/2009 anjuran Jakim dengan kerjasama Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah diadakan di Hotel Regency, Port Dickson pada 24 hingga 26 Mac 2009. Bengkel ini telah dihadiri oleh wakil-wakil Jabatan Agama Islam Negeri, Jabatan Mufti, Jawhar dan lain-lain lagi.




Sejak tahun 2008, Jakim menjadi urus setia bersama dengan JKSM bagi menyelaraskan struktur kod dan struktur data bagi skop sosial (data Islam) yang melibatkan pelbagai sistem di jabatan dan agensi agama. Penghasilan kamus ini melibatkan tiga bahasa, iaitu Melayu, Inggeris dan Arab.

# DISKUSI ISU-ISU SEMASA SAUDARA MUSLIM

Jakim dengan kerjasama Masjid Negara telah menganjurkan Diskusi Isu-isu Semasa Saudara Muslim pada 28 Mac 2009 di Dewan Syarahan Utama, Masjid Negara, Kuala Lumpur. Seramai 250 orang peserta telah mengikuti program tersebut. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Pengarah Bahagian Dakwah Jakim, Tuan Haji Abd Halid Sintol.



Satu forum yang bertajuk "Murtad Bukan Hak Asasi" yang dibarisi oleh tiga orang ahli panel, iaitu Ustaz Abdul Nasir Ahmad (Jawi), Encik Danial Hakim Boey (Macma) dan Haji Muhammad Fitri Abdullah (Perkim). Moderator forum ialah Ustaz Iszam Padil dari Bahagian Dakwah Jakim.

Diskusi ini dapat memberi pendedahan kepada saudara-saudara muslim tentang isu-isu semasa yang berkaitan dengan akidah dan umat Islam kini, di samping menjadi platform untuk peserta bertukar pandangan dan idea.





# SAMBUTAN MAULIDUR RASUL DI CANBERRA



Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Canberra, Australia telah menganjurkan Majlis Sambutan Maulidur pada 13 Mac bertempat di Dewan Merdeka, Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Canberra.

Majlis diisi dengan bacaan selawat, tazkirah Maulidur Rasul dan solat Maghrib berjemaah yang dipimpin oleh Dr. Sirajuddin Suhaimee, Atase Halal di Australia. Majlis diserikan dengan ucapan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Australia, TYT Dato' Salman Ahmad dan diikuti dengan jamuan.

Seramai lebih 150 orang telah hadir di majlis tersebut yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Australia, Konsulat Malaysia di Sydney, Tourism Malaysia di Sydney, ahli ACT Association of Malay Muslim Families (AMMF) serta para pelajar Malaysia yang menuntut di sana.

# TERAJU BARU JAKIM SABAH



Berkuat kuasa 2 Mac 2009, Ustaz Aziz Haji Mohamad dilantik sebagai Pengarah Jakim Cawangan Sabah menggantikan Ustaz Abd. Aziz Che Yacob yang bertukar ke Istana Negara Kuala Lumpur sebagai Pegawai Agama Istana Negara berkuat kuasa 16 Februari 2009.

Sebelum ini, Ustaz Aziz bertugas sebagai Ketua Penolong Pengarah di Cawangan Pembangunan Sosial Bahagian Kesuma Jakim dan telah berkhidmat selama 23 tahun bersama Jakim. Beliau pernah bertugas di Jabatan Agama Islam Negeri, Majlis Agama Islam Negeri, Jabatan Waqaf, Zakat & Haji, dan Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan (ICU JPM).

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (BA Hons.) Syariah, Diploma Undang-undang dan Kehakiman Islam (DAIJ, UIA) dan Sarjana (MA) Syariah dan Undang-undang, selain mempunyai Sijil Kursus Khas di Muslim College, United Kingdom.

# LAWATAN KERJA JAIPk KE BAHAGIAN PENYELIDIKAN JAKIM

Bahagian Penyelidikan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) telah mengadakan lawatan kerja ke Bahagian Penyelidikan Jakim pada 9 April 2009 bertempat di Bahagian Penyelidikan. Lawatan kerja seramai tujuh orang ini diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan JAIPk, Encik Jamil Mohd Sapri. Ketibaan rombongan JAIPk disambut oleh Pengarah Bahagian Penyelidikan, Tuan Haji Razali Shahabudin dan pegawai-pegawai kanan bahagian.





# SEMINAR REMAJA HADHARI ULUL ALBAB PERINGKAT KEBANGSAAN 2009

Sempena Bulan Dakwah Peringkat Kebangsaan 2009, Jakim dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menganjurkan program Semarak Remaja Hadhari Ulul Albab pada 26 Mac 2009 bertempat di Dewan Auditorium, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Putrajaya. Program ini memfokuskan kepada golongan remaja yang merupakan aset dan modal insan yang bakal mewarisi kepimpinan negara pada masa akan datang.

Program ini telah dirasmikan oleh Pengarah Bahagian Dakwah, Tuan Haji Halid Sintol. Majlis ini dihadiri oleh wakil Pengarah Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran Malaysia, wakil Timbalan Pengarah Bahagian Pendidikan Islam Kementerian




Pelajaran Malaysia, pengetua-pengetua sekolah, para guru dari 30 buah sekolah di sekitar Lembah Kelang, pengarah-pengarah bahagian Jakim serta para pelajar seramai 853 orang.

Antara pengisian program ini termasuklah ceramah dan tayangan multimedia "Kembara Rohani" yang telah disampaikan oleh En. Syamil Mohd Yusof (UKM) dan "Lembaran Hidayah" oleh Prof. Madya Dr. Arip Kasmo (UKM), ceramah motivasi bertajuk "Bisikan Kecemerlangan" disampaikan oleh YM Dr. Tengku Asmadi Tengku Mohamad, pakar motivasi dari Motivasi Alihan Pelajar (MAP), dan persembahan Fesyen Remaja Hadhari oleh syarikat Hajaba Fashionable Muslim.





Dicetak daripada e-SI… 28-09-26 04:09:18

# HUBUNGAN MALAYSIA DAN BRUNEI TERUS PERKASA MELALUI INSTITUT TAHFIZ



Jakim berbesar hati menerima kunjungan delegasi Institut Tahfiz al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama Brunei Darussalam pada 25 Mac 2009. Delegasi seramai enam belas orang yang terdiri daripada pegawai, guru dan pelajar institut tahfiz ini diketuai oleh Timbalan Hal Ehwal Pelajar dan Pentadbiran, Haji Awang Haji Aji.

Selain didedahkan dengan video korporat Jakim, isu pembelajaran dan pendidikan tahfiz di Malaysia, terutamanya di Darul Quran Jakim menjadi tumpuan utama topik perbincangan. Pihak Brunei turut berbesar hati menerima maklumat dan laporan pencapaian cemerlang para pelajar dari Negara Brunei Darussalam sepanjang pembelajaran mereka di Darul Quran Jakim. Selain itu, pihak delegasi turut berkongsi maklumat dan pengalaman berkaitan perkembangan bidang tahfiz di Brunei Darussalam dan sangat mengalu-alukan tenaga pengajar tahfiz dari Malaysia terutamanya perempuan bagi sama-sama membantu meningkatkan prestasi para pelajar di institusi-institusi tahfiz di Brunei.

# BENGKEL PEMAHAMAN UNDANG-UNDANG KESALAHAN & TATACARA JENAYAH SYARIAH

Bengkel Pemahaman Undang-undang Mengenai Kesalahan dan Tatacara Jenayah Syariah kepada Pegawai Masjid di Negeri Sembilan Siri 1 anjuran Bahagian Penyelarasan Penguatkuasaan Undang-undang Jakim dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) telah diadakan pada 22 hingga 24 Mac 2009 bertempat di Hotel Seri Malaysia, Port Dickson, Negeri Sembilan. Bengkel ini telah dihadiri oleh 41 orang imam dari seluruh Negeri Sembilan.



Bengkel tersebut diadakan bertujuan memberi pemahaman mengenai undang-undang dan prosedur operasi penguatkuasaan yang perlu difahami dan diikuti oleh para imam semasa menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan. Satu sesi ceramah dan tiga bacaan teks undang-undang enakmen Negeri Sembilan telah diadakan.

# BENGKEL PENGESAHAN TAFSIR PEDOMAN MUTTAQIN JUZUK 3 DAN 4



Bengkel Pengesahan Tafsir Pedoman Muttaqin juzuk 3 dan 4 telah diadakan pada 6 hingga 8 April 2009 yang lalu, di Hotel Pan Pacific, KLIA, Sepang, Selangor. Sebahagian besar ahli lajnah yang dapat hadir telah menyempurnakan pengesahan tersebut sebagai pemurnian terakhir sebelum kitab juzuk 3 dan 4 dicetak. Pada hari pertama bengkel yang dipengerusikan oleh Prof. Madya Mohamad Kamil Ab Majid dari Universiti Malaya, telah menyelesaikan sebanyak 24 perkara yang perlu diperbetulkan bagi juzuk 3 dan 17 perkara dalam juzuk 4.

Dalam sesi kedua, pembentangan bengkel telah dipengerusikan oleh Pengerusi Lajnah Tafsir Pedoman Muttaqin, Dato' Dr. Abdul Shukor Hussin. Ucapan pembentangan telah disempurnakan oleh Prof. Madya Mohamad Kamil Ab Majid dan disahkan sebulat suara oleh Pengerusi Lajnah dan penulis. Turut hadir bersama ialah Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jakim mewakili Ketua Pengarah Jakim. Tafsir juzuk 3 dan 4 ini dijangka siap dicetak pada tahun ini.

Dicetak daripada e-SILA JAKIM

# KURSUS ASAS PERKHIDMATAN HAL EHWAL ISLAM SIRI 3/2009



Bahagian Latihan Jakim telah mengadakan Kursus Asas Perkhidmatan Hal Ehwal Islam (PHEI) Siri 3/2009 kepada kakitangan Kumpulan Sokongan (Gred 17) pada 26 Mac 2009 hingga 1 April 2009 bertempat di Pusat Latihan Sarawak, Kuching. Kursus yang diadakan selama tujuh hari itu dihadiri oleh 60 orang peserta (58 orang lelaki dan 2 orang perempuan). Para peserta terdiri daripada kakitangan yang ditempatkan di agensi-agensi kader sekitar negeri Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.



# PESERTA KURSUS ASAS ISLAM ANTARABANGSA LAWAT JAKIM



Peserta Kursus Asas Islam Antarabangsa 15/2009 di bawah kelolaan Majlis Da'wah Islamiah Serantau Asia Tenggara dan Pasifik (*Riseap*) telah melawat Jakim pada 18 Mac 2009. Para peserta terdiri daripada wakil negara minoriti Islam seperti Kemboja, Sri Lanka, Thailand, Filipina, India dan juga wakil masyarakat Orang Asli, serta dua orang pegawai pengiring. Rombongan disambut oleh Ketua Penolong Pengarah Bahagian Keurussetiaan dan Perhubungan Antarabangsa, En. Abdul Hamid Hj. Abd. Samad dan pegawai-pegawai Jakim. Para peserta telah didedahkan dengan fungsi dan peranan Jakim melalui tayangan video korporat Jakim. Peserta turut berkongsi pengalaman mereka di negara masing-masing khususnya berkaitan dengan perkembangan Islam.

# KAKITANGAN KWSP IKUTI KURSUS BINA INSAN

Institut Latihan KWSP (ESSET) dengan kerjasama Bahagian Hadhari dan Pembangunan Insan Jakim telah menganjurkan Kursus Bina Insan Siri 1/2009 di ESSET, Bangi. Kursus yang dijalankan pada 11 dan 12 Mac 2009. Seramai 30 orang peserta terdiri dari kakitangan KWSP seluruh Lembah Kelang telah menyertai kursus ini. Lapan orang fasilitator terlibat mengendalikan slot-slot berdasarkan Modul Kursus Pendekatan Islam Hadhari.







Dicetak daripada e-Siri ... 28-09-26 06:09

# SENARAI PENERIMA ANUGERAH CEMERLANG JAKIM 2008

Lelaki

| BIL | NAMA | GRED | BAHAGIAN |
|---|---|---|---|
| 1 | Haji Sumali bin Amat | JUSA C | Pejabat KP |
| 2 | Mohamad bin Mat Hussin | B54 | MEP |
| 3 | Haji Ghafani bin Awang Teh | S54 | Kesuma |
| 4 | Mohamad bin Saan | S52 | Penerbitan |
| 5 | Haji Abd Manaf bin Haji Mat | S52 | Masjid Putra |
| 6 | Aziz bin Haji Mohamad | S48 | Jakim Sabah |
| 7 | Zainudin bin Sulaiman | M48 | P & K |
| 8 | Mohd Shukri bin Saad | S48 | ILIM |
| 9 | Mamat bin Said | S48 | Kesuma |
| 10 | Munir bin Haji Md Salleh | S48 | Penyelidikan |
| 11 | Mohd Rus bin Yunus | S48 | Lepai |
| 12 | Md Ali bin Sarbini | S44 | Masjid Negara |
| 13 | Che Alias bin Che Ismail | S44 | Dakwah |
| 14 | Anuar Hakim bin Mohd Salleh | S44 | Jakim Sabah |
| 15 | Osian Affandi bin Abdullah | S44 | Jakim Sarawak |
| 16 | Iszpen bin Padil | S41 | Dakwah |
| 17 | Zakaria bin Othman | S41 | Pejabat KP |
| 18 | Mohd Hanafi bin Yusop | S41 | Darul Quran |
| 19 | Mohd Aizam bin Mas'od | S41 | Penyelidikan |
| 20 | Abu Bakar bin Mohammad | S38 | ILIM |
| 21 | Rahim bin Deraman | N32 | Darul Quran |
| 22 | Abdul Aziz bin Khalipah | N32 | ILIM |
| 23 | Mohd Aziz bin Mahmood | B27 | MEP |
| 24 | Muktasyat bin Ibrahim | S26 | Darul Quran |
| 25 | Jamaludin bin Abdul Aziz | J22 | P & K |
| 26 | Tuan Ibrahim bin Tuan Mat | S22 | Dakwah |
| 27 | Jamal bin Ibrahim | B17 | Penerbitan |
| 28 | Mohamad Termizi bin Limun | N17 | Keurusetiaan |
| 29 | Mirwan bin Mahiden | S17 | JAKIM Sarawak |
| 30 | Marwan Hakim bin Mohamed @ Ismail | S17 | Keurusetiaan |
| 31 | Razali bin Daud | S17 | Kesuma |
| 32 | Mohd Azam bin Mohd Daud | W17 | P & K |
| 33 | Ahmad Fakharudien bin Mohd Hussien | PPUST S17 | Masjid Negara |
| 34 | Anuwar bin Awang | S17(Sambilan) | ICT |
| 35 | Akhnul bin Ahmad | S17(Sambilan) | ICT |
| 36 | Mohamad Nadzeri bin Nordin | S17(Sambilan) | ICT |
| 37 | Abdul Hadi bin Abdul Rahim | AB | MEP |
| 38 | Abdullah bin Abdul Samad | PMOA S17 | Dakwah |
| 39 | Mat Shukri bin Hamid | PMOA S17 | Dakwah |
| 40 | Roslan Ros bin Abdullah | PMOA S17 | Dakwah |
| 41 | Manat bin Zainal | KP11 | P & K |
| 42 | Zulhisham bin Bedu | S11 | Masjid Negara |
| 43 | Mohammad Fauzy bin Abdul Halim | S11 | Masjid Putra |
| 44 | Wan Zuhaimi bin Wan Isa | R3 | P&K |
| 45 | Azmi bin Jaidin | R3 | Jakim Sabah |
| 46 | Ismail bin Ag. Ali | N1 | Jakim Sabah |
| 47 | Hazmi bin Hasbie | N1 | Jakim Sarawak |
| 48 | Azmi bin Basir | N1 | Pejabat KP |

Perempuan

| BIL | NAMA | GRED | BAHAGIAN |
|---|---|---|---|
| 1 | Zainab binti Ab. Rahman | S48 | Dakwah |
| 2 | Nor Safina binti Zainal | S44 | Keurussetiaan |
| 3 | Nor Hanim binti Abdul Halim | S44 | Kesuma |
| 4 | Haslinda binti Lukman | S41 | Dakwah |
| 5 | Norihan binti Zakaria | S41 | Latihan |
| 6 | Najibah binti Abdul Mutalib | S41 | P&K |
| 7 | Norhayati bin Ab Lateh | S41 | Darul Quran |
| 8 | Noralifah binti Ismail | S32 | ILIM |
| 9 | Muna Munirah binti Haji Abu Bakar | S27 | Penyelidikan |
| 10 | Annisa binti S. Abdul Rahman | S27 | Penerbitan |
| 11 | Safarini binti Joney | S27 | Jakim Sabah |
| 12 | Kamariah binti Zakaria | S26 | ILIM |
| 13 | Noridah binti Nordin | S26 | Penyelidikan |
| 14 | Zainah binti Bahaman | N22 | PPA Jelebu |
| 15 | Datin Halimah binti Kamaluddin | N22 | Pejabat KP |
| 16 | Selamah binti Mat Seman | S22 | Penyelidikan |
| 17 | Raja Hanefah binti Raja Mohd | N17 | P&K |
| 18 | Zabedah binti Jamil | N17 | Masjid Putra |
| 19 | Siti Nor Aminah binti Sheikh Ahmad | N17 | Keurussetiaan |
| 20 | Suriani binti Hamat | W17 | P & K |
| 21 | Noraziha binti Yusoff | AB | MEP |
| 22 | Normah binti Hamidi | N11 | Dakwah |
| 23 | Nurdiana binti Kosnan | N1 | Darul Quran |
| 24 | Kamsiah binti Mahadi | N1 | Pejabat KP |
| 25 | Adlina binti Deraman | N1 | Latihan |
| 26 | Jumisah binti Haim | R1 | Jakim Sabah |

Dicetak daripada e-SMAS JAKIM
28-08-2016 06:03:10

